

BN Selangor Kesal Tiga Daripada Empat Usul Ditolak Speaker Bernama

7 Apr, 2014

SHAH ALAM, 7 April (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN) Selangor kesal apabila tiga daripada empat usul yang dicadangkan untuk dibahas pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) kali ini, ditolak oleh Speaker.

Ketua Pembangkang Datuk Mohd Shamsudin Lias berkata antara usul yang ditolak adalah isu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan isu kalimah Allah berhubung rampasan Bible berbahasa Melayu oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) daripada Persatuan Bible Malaysia di Damansara pada 2 Jan lepas.

Isu PKNS pula membabitkan penamatan perkhidmatan Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Azmin Ali sebagai Anggota Lembaga Pengarahnya dan penamatan kontrak 22 kakitangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Holdings Sdn Bhd (PHSB).

"Sepatutnya usul ini tidak tolak kerana kita melihat kepada kepentingan awam. Berlaku banyak polemik dan ini membangkitkan rasa tidak puas hati rakyat sepanjang tempoh isu berkenaan berbangkit.

Dalam isu kalimah Allah misalnya, ia tanggungjawab Jais dalam memastikan supaya masalah ajaran sesat dan maksiat dapat dikawal. Ia untuk jadikan umat Islam lebih baik dan bukan membabitkan isu politik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Sidang DUN ke-13 oleh Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah di Dewan Negeri Selangor di sini, Isnin.

Shamsudin yang juga Adun Sungai Burong berkata usul yang dibenarkan untuk dibahas dalam sidang DUN adalah mengenai tuntutan Gabungan Badan Bukan Kerajaan Hak Asasi Manusia (Comango) bagi hak kebebasan orientasi seks, lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

Ditanya alasan penolakan usul berkenaan, beliau berkata Speaker Hannah Yeoh memberi alasan isu PKNS telah didengar oleh Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) pada 25 Mac lepas sementara isu kalimah Allah sedang dibicarakan di mahkamah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028537>